



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PERASMIAN BANGUNAN BAHARU HOSPITAL SEBERANG
JAYA**

YAB Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah merasmikan Bangunan Baharu Hospital Seberang Jaya (HSJ) hari ini. Perasmian ini sekali gus menandakan satu pencapaian penting Kerajaan MADANI dalam usaha memperkukuh sistem penjagaan kesihatan awam negara, khususnya bagi penduduk Seberang Perai dan Pulau Pinang amnya.

Pembinaan Bangunan Multistorey Hospital Seberang Jaya ini merupakan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), Rolling Plan 2, dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM371 juta. Projek ini melibatkan keluasan tanah 3.26 ekar, keluasan binaan 45,415 meter persegi serta merangkumi bangunan setinggi sembilan (9) tingkat.

Pembinaan projek bermula pada 16 Mei 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 12 April 2025, sebelum mula beroperasi secara berperingkat pada 5 Mei 2025.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran pelaksanaan termasuk dalam tempoh pandemik COVID-19, projek ini berjaya direalisasikan hasil komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan serta kerjasama strategik antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Kerja Raya (KKR), dengan pemantauan rapi oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Hospital Seberang Jaya mula beroperasi pada 1 April 1995 dan dikategorikan sebagai Hospital Jenis 2 (Hospital Pakar Major). Hospital ini berfungsi sebagai Hospital Utama (Lead Hospital) bagi Hospital Kluster Seberang Perai, yang merangkumi Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap, selain menjadi pusat rujukan utama bagi perkhidmatan kesihatan di Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan.

Melalui pembinaan bangunan baharu ini, kapasiti keseluruhan katil Hospital Seberang Jaya telah meningkat daripada 413 buah katil kepada 729 buah katil, sekali gus memperkukuh keupayaan hospital dalam memenuhi keperluan rawatan yang semakin meningkat. Bangunan baharu ini bukan sahaja menambah ruang rawatan, malah menyokong aliran perkhidmatan pesakit yang lebih terancang dan efisien, di samping menyediakan persekitaran kerja yang lebih selamat, selesa dan kondusif kepada warga hospital, selaras dengan usaha berterusan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Selain memperkukuh keupayaan operasi hospital, pembangunan fasiliti ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memperkasakan sistem kesihatan awam negara, khususnya dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh, mampan dan berteraskan nilai ihsan demi kesejahteraan rakyat.

Hospital Seberang Jaya juga berperanan sebagai pusat rawatan, latihan dan rujukan, termasuk latihan kepada Pegawai Perubatan Siswazah, pelajar perubatan, pergigian, paramedik serta latihan subkepakaran, sejajar dengan keperluan memperkukuh kompetensi dan profesionalisme tenaga kesihatan negara.